

**NO. SOALAN: 320**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG  
[ LANANG ]**

**RUJUKAN : 8738**

**SOALAN:**

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan cara atau SOP yang perlu dilakukan untuk membuat aduan terhadap salah kuasa pihak polis oleh orang awam dan bagaimana boleh memastikan pengadu tidak ambil tindakan oleh pihak polis sebaliknya.

## **JAWAPAN**

**PDRM sebagai agensi penguatkuasa yang utama dalam negara untuk menjaga keselamatan dan kententeraman awam amat mementingkan tahap disiplin yang tinggi dipamerkan oleh anggota pasukan pada setiap masa. Prinsip “zero toleration” diambil terutamanya terhadap mana-mana pegawai dan anggota polis yang didapati melakukan kesalahan jenayah bagi memastikan integriti pasukan polis sentiasa dipandang tinggi oleh masyarakat dan sentiasa digeruni oleh penjenayah.**

**Siasatan akan dijalankan secara telus dan saksama tanpa mengira kedudukan dan pangkat seseorang anggota tersebut apabila terdapat laporan atau aduan mengenai penglibatan dalam salah guna kuasa atau terlibat dalam aktiviti jenayah.**

**Bagi memberikan keyakinan orang ramai terhadap integriti pasukan polis, Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) PDRM juga telah memantapkan lagi saluran aduan berkaitan salah laku anggota polis untuk kemudahan masyarakat membuat aduan seperti berikut:-**

- i. Hadir sendiri ke Cawangan Pengurusan Aduan Bukit Aman atau Kontinjen.**
- ii. Melalui Telefon (talian hotline 1-800-880-222)**
- iii. Email**
- iv. Faks**
- v. Surat**
- vi. Melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) PDRM**

**PDRM juga menerima aduan melalui agensi luar seperti SPRM, SUHAKAM, Biro Pengaduan Awam (BPA), Suruhanjaya Integriti dan Penguatkuasaan (SIAP) dan NGO. Aduan dan maklumat yang diterima akan direkodkan dan dirujuk ke Jawatankuasa Penilai Aduan sebelum diedarkan kepada cawangan / jabatan berkaitan untuk diambil tindakan susulan. Segala aduan yang dihantar akan dipantau bagi memastikan perkembangan atau keputusan siasatan dimaklumkan kepada pengadu.**

**Aduan yang diterima di peringkat Bukit Aman dan Kontinjen akan dirahsiakan identiti pengadu mengikut Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711].**